

KESAN MODUL KAUNSELING INTERVENSI MOTIVATIONAL INTERVIEWING BERASASKAN COGNITIVE BEHAVIOUR THERAPY TERHADAP TAHAP MOTIVASI DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH MENENGAH

The Effect of Counseling Module Intervention Motivational Interviewing Based on Cognitive Behavior Therapy on the Level of Motivation among Secondary School Students

Emilia Binti Man¹, Mohammad Aziz Shah Bin Mohamed Arip², Ahmad Jazimin Bin Jusoh³, Ahmad Yunus⁴

^{1,2,3,4} Universiti Sains Islam Malaysia

Email: ahmadyunus1650@raudah.usim.edu.my

Abstrak

Pendekatan kaunseling intervensi dilihat dapat menangani isu peningkatan motivasi untuk berubah murid di sekolah. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan mengukur kesan rawatan kaunseling intervensi dengan menggunakan pendekatan integrasi di antara *Motivational Interviewing* dan *Cognitive Behaviour Therapy* dalam meningkatkan tahap motivasi berubah. Kajian ini dijalankan terhadap pelajar tingkatan empat di dua buah sekolah menengah di daerah Klang, Selangor. Soal selidik yang digunakan mengandungi maklumat peribadi dan tiga soal selidik kajian iaitu yang menjurus kepada konstruk kajian seperti Soal Selidik Tahap Motivasi Berubah. Kaedah Cronbach Alpha Koefisien digunakan bagi mendapatkan data kebolehpercayaan pada nilai kebolehpercayaan Alpha $< p < 0.05$. Kajian kuasi eksperimen ini melibatkan seramai 99 subjek dipilih memasuki dua jenis kelompok rawatan iaitu Kaunseling Bimbingan Kelompok Besar (KBKB) serta Kaunseling Bimbingan Kelompok Kecil (KBKK) dan satu kelompok kawalan (KK). Subjek kajian berumur 16 tahun dan merupakan murid sekolah menengah harian biasa. Subjek rawatan KBKB ialah 33 orang pelajar yang dibahagikan kepada tiga kelompok besar (R1a=11, R1b=11 dan R1c=11), KBKK seramai 33 orang murid dalam satu kelompok kecil (R2=33) dan satu kelompok kawalan (KK=33). Subjek kelompok rawatan diberi sepuluh sesi kelompok mingguan, dalam masa 10 minggu. Data kajian dianalisis menggunakan analisis deskriptif, ANOVA, MANOVA, MANCOVA dan Post Hoc jenis Tukey pada aras signifikan 0.01 dan 0.05. Dapatan kajian mendapati rawatan KBKK dan KBKB berkesan dalam mengurangkan pemboleh ubah bersandar tahap motivasi untuk berubah, berbanding kelompok kawalan. Kelompok rawatan KBKK didapati lebih berkesan berbanding rawatan KBKB. Implikasi melalui kajian ini akan meningkatkan pemahaman berkaitan proses perubahan motivasi pada kalangan pelajar. Selain itu, ia juga akan dapat membantu mencapai matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) melalui perancangan strategik di sekolah yang menekankan pengembangan potensi murid ke tahap optimum.

Kata kunci: *Motivational Interviewing, Cognitive Behaviour Therapy, Brief Therapy, Stages of Change*

LATAR BELAKANG KAJIAN

Pengkaji-pengkaji lepas ada mencadangkan implementasi modul sebagai medium untuk murid sekolah berubah (Idris, A. et al., 2020). Oleh itu, sistem pendidikan perlu di intergasikan dengan pendekatan pembangunan kemanusiaan, intervensi rawatan, dan mengukuhkan peraturan yang bersesuaian dengan memahami pembentukan moral iaitu bagaimana seseorang dapat membuat keputusan samada baik dan buruk. Program yang dapat meningkatkan motivasi menjadi amat penting didalam proses perubahan kerah yang lebih baik. Perkembangan program-program sebegini perlu di tekankan dengan melihat proses perubahan tingkahlaku tersebut ke arah yang lebih progresif.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama kajian adalah untuk mengukur kesan Modul Motivational Interviewing berdasarkan Cognitive Behaviour Therapy (MMI-CBT) dalam kelompok rawatan dan kelompok kawalan ke atas pemboleh ubah terikat iaitu tahap motivasi untuk berubah. Justeru, objektif kajian adalah mengkaji sama ada terdapatnya perbezaan yang signifikan dalam ukuran min praujian dan pascaujian pemboleh ubah terikat tahap motivasi untuk berubah secara keseluruhan antara kumpulan bimbingan kelompok besar (KBKB), kumpulan bimbingan kelompok kecil (KBKK) dan kumpulan kawalan (KK) dalam kalangan murid sekolah menengah.

REKA BENTUK KAJIAN

Dalam konteks kajian ini, pengkaji menggunakan reka bentuk kajian eksperimen kuasi. Lokasi yang dipilih bagi menjalankan kajian ini ialah di dua buah sekolah menengah di Daerah Klang. Pemilihan lokasi kajian ini dipilih berdasarkan kepada rasional institusi ini memenuhi skop kajian yang ingin dilaksanakan. Dalam kajian ini, subjek kajian dipilih secara persampelan bertujuan (*Purposive Sampling*) selaras dengan matlamat yang ditetapkan peringkat awal.

Proses intervensi dijalankan di dalam bilik kaunseling kelompok di Institusi yang dipilih sebagai pusat kajian eksperimen. Pengkaji mendapatkan kebenaran daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor melalui sistem ERAS dan seterusnya mendapatkan kebenaran Pengetua sekolah-sekolah tersebut untuk menjalankan kajian. Kelompok rawatan ini dikendalikan oleh kaunselor yang dilantik. Pemilihan kaunselor yang dilantik adalah keperluan bagi menolak sebarang bias yang mungkin boleh terjadi dalam kajian eksperimen. Menurut Chua (2006), isu bias adalah isu yang seringkali ditimbulkan apabila seseorang penyelidik mengendalikan sendiri modul ke atas peserta kajian. Bias di dalam kajian eksperimen dikhuatiri berlaku apabila pengkaji sebenar menjalankan pengujian secara fizikal atau sosial melalui interaksi dengan subjek kajian untuk mendorong hasil yang diharapkan (Rosenthal dan Rubin 1978; Doyen et al., 2012; Brent dan Aysu, 2012).

Oleh kerana kajian ini melibatkan ujian pemboleh ubah terikat secara pra ujian dan pasca ujian, maka data akan dianalisis menggunakan statistik MANOVA (*multivariate analysis of variance*) dan MANCOVA (*multivariate analysis of covariance*). Analisis MANOVA dijalankan memandangkan wujudnya lebih dari satu pemboleh ubah bersandar (Chua, 2009). Dalam ujian ini, pemboleh ubah bebas dikategorikan sebagai faktor. Dalam kajian ini, ujian MANOVA pengukuran berulang dilakukan dalam menilai kesan praujian dan pascaujian. Seterusnya dalam kajian ini juga menggunakan analisis MANCOVA. Ujian ini dilakukan memandangkan wujud data kajian yang mempunyai lebih dari satu pemboleh bersandar, satu atau lebih pemboleh ubah bebas dan kewujudan pemboleh ubah kawalan (*covariate*).

KEPUTUSAN KAJIAN

Ringkasan analisis statistik ANOVA mengukur perbezaan skor min dan sisihan piawai pemboleh ubah utama antara Kumpulan Bimbingan Kelompok Besar (KBKB), Kumpulan Bimbingan Kelompok Kecil (KBKK) dan Kumpulan Kawalan (KK) berpandukan data praujian subjek keseluruhan

Jadual 9.1: Ringkasan analisis statistik ANOVA

Kumpulan			Motivasi Untuk Berubah
Kumpulan Bimbingan Kelompok Besar (KBKB)	Min		2.2907
	N		33
	Sisihan Piawai		.15576
Kumpulan Bimbingan Kelompok Kecil (KBKK)	Min		2.3968
	N		33
	Sisihan Piawai		.14479
Kumpulan Kawalan (KK)	Min		2.5644
	N		33
	Sisihan Piawai		.20176
Jumlah	N		99

Jadual 9.2: Pengujian normaliti bagi pemboleh ubah terikat berdasarkan kumpulan KBKB, KBKK dan KK

Pemboleh ubah	Kumpulan	Deskriptif			Shapiro- Wilks		
		min	skewness	kurtosis	statistik	DK	Sig.
Motivasi Untuk Berubah	KBKB	2.290	-.753	.289	.939	33	.065
	KBKK	2.396	.208	-1.028	.945	33	.098
	KK	2.564	.842	.883	.948	33	.118

Petunjuk:

KBKB (Kumpulan Bimbingan Kelompok Besar)

KBKK (Kumpulan Bimbingan Kelompok Kecil)

KK (Kumpulan Kawalan)

Jadual 9.3 Pengujian *Levene* pemboleh ubah terikat berdasarkan kumpulan KBKB, KBKK dan KK

Pemboleh ubah	F	DK1	DK2	Sig.
Motivasi Untuk Berubah	.898	2	96	.411

Jadual 9.4 Ringkasan analisis statistik ANOVA mengukur perbezaan pemboleh ubah antara kumpulan KRKMT, KRKMS, KKKMT dan KKKMS.

Pemboleh ubah	Sumber variasi	JKD	DK	MKD	F	Sig.
Motivasi Untuk Berubah	Antara kump.	1.257	2	.628	21.936	.000
	Dalam kump.	2.750	96	.029		
	Jumlah	4.006				

Jadual 9.5 Ringkasan analisis statistik *Post Hoc Tests (Tukey)* mengukur perbezaan pemboleh ubah Motivasi Untuk Berubah KBKB, KBKK dan KK

Pemboleh ubah	Kump. Rawatan/Kawalan (I)	Kump. Rawatan/Kawalan (J)	Perbezaan Min (I-J)	Sisihan Piawai	Sig.
Motivasi Untuk Berubah	KBKB	KBKK	-.10606*	.04167	.033
		KK	-.27367*	.04167	.000
	KBKK	KBKB	.10606*	.04167	.033
		KK	-.16761*	.04167	.000
	KK	KBKB	.27367*	.04167	.000
		KBKK	.16761*	.04167	.000

Jadual 9.6 Ringkasan analisis deskriptif skor min praujian dan pascaujian pemboleh ubah terikat Motivasi Untuk Berubah di antara kumpulan KBKB, KBKK dan KK

Pemboleh ubah	Kumpulan	Min		Perbezaan Min	Keterangan
		Praujian	Pascaujian		
Motivasi Untuk Berubah	KBKB	2.2907 (.15576)	3.6155 (.09391)	1.3248	Meningkat
	KBKK	2.3968 (.14479)	3.6610 (.08527)	1.2642	Meningkat
	KK	2.5644 (.20176)	2.3116 (.15037)	-0.2528	Berkurang

Keterangan: (-) = sisihan piawai

Jadual 9.7 Ringkasan analisis MANOVA melihat kesan kumpulan terhadap min praujian dan pascaujian Motivasi Untuk Berubah di antara kumpulan KBKB, KBKK dan KK

Sumber	Pemboleh ubah terikat	JDK	Dk	MKD	F	Sig.
Antara Kumpulan	Motivasi Untuk Berubah	26.367	2	13.184	574.119	.000
Jumlah Dibaiki		2.204	96	.023		

(aras signifikan, $k < .05$)